

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : BUKIT GANTANG
TARIKH : 17 JUN 2015, RABU

SOALAN:

YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD (BUKIT GANTANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa ramai peniaga R&R yang ditamatkan kontrak perniagaan kerana peniaga asalnya meninggal dunia, kenapakah pihak PLUS tidak membenarkan waris untuk meneruskan perniagaan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tempoh dari tahun 2013 hingga kini terdapat 13 orang penyewa gerai R&R di Lebuhraya PLUS yang telah meninggal dunia semasa dalam tempoh sewaan sedang beroperasi. Pihak PLUS Malaysia Berhad sebagai operator R&R di Lebuhraya Utara Selatan telah menetapkan dasar bahawa sewaan R&R tidak boleh disambung atau diteruskan kepada pewaris jika penyewa asal itu telah meninggal dunia. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pemohon yang baru untuk menjalankan perniagaan di gerai kawasan R&R berkenaan. Namun demikian pewaris yang terlibat dibenarkan membuat permohonan untuk meneruskan sewaan dan ia tertakluk kepada pertimbangan pihak PLUS.

Sekian. Terima kasih.